

1

**LAPORAN AKHIR GERAN PENYELIDIKAN  
P 9525-0005001  
BIOLOGI KANOPI LEMBAH DANUM**

**PEMULIHARAAN DI HUTAN HUJAN TROPIKA:  
PERANAN KANOPI DALAM MENJAGA  
KEPELBAGAIAN BIOLOGI DENGAN  
MENGUNAKAN SEMUT SEBAGAI MODEL  
EKOLOGI**

Oleh :

**Prof. Madya Datin Dr Maryati Mohamed**

**Erwin Soeprastowo Widodo**

**Mohd Zalaludin Latipi**



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

## ABSTRAK

Ketinggian puncak pokok atau lapisan kanopi di hutan hujan tropika boleh mencapai 30 sehingga 50 meter. Beberapa spesies pokok menjulang (emergent trees) boleh mencapai ketinggian melebihi 70 meter atau 80 meter. Dijangkakan terdapat sekitar 40% hingga 95% jumlah kepelbagaian flora dan fauna di dunia berada di lapisan ini. Kajian awal yang telah dilakukan diharapkan dapat menjadi tujuan baru yang boleh menjadikan kanopi sebagai asas penting bagi pengurusan dan pemuliharaan hutan tropika secara mapan. Memandangkan kepelbagaian biologi yang dikatakan tinggi di lapisan kanopi, maka satu usaha untuk menilainya telah dilakukan di hutan hujan tropika Pusat Luar Lembah Danum, Lahad Datu, Sabah. Semut telah dipilih untuk dijadikan bahan kajian kerana kelimpahan dan kepelbagaian spesies yang relatif tinggi di kawasan Asia Tenggara. Kaedah yang dipilih untuk mengumpul serangga tersebut adalah melalui kaedah pewartan. Kajian sebegini diharap dapat memberikan suatu gambaran yang lebih jelas mengenai kepelbagaian serangga amnya dan semut khususnya di kawasan ini.

